

METEOSPASMYL® CAPSULE

Alverine citrate (60 mg), Simeticone (300 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan METEOSPASMYL® CAPSULE
2. Bagaimana METEOSPASMYL® CAPSULE berfungsi
3. Sebelum menggunakan METEOSPASMYL® CAPSULE
4. Cara menggunakan METEOSPASMYL® CAPSULE
5. Semasa menggunakan METEOSPASMYL® CAPSULE
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan METEOSPASMYL® CAPSULE
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan

METEOSPASMYL® CAPSULE
METEOSPASMYL® CAPSULE merupakan antispasmodik yang mengurangkan gas usus. Ubat ini disarankan untuk melegakan penghadaman yang menyakitkan dengan pengembangan perut. Ia digunakan untuk melegakan kekejangan otot licin, dalam keadaan seperti sindrom usus renga.

Bagaimana METEOSPASMYL® CAPSULE berfungsi

Gabungan muskotropik spasmolitik, *alverine citrate* dan cecair silikon yang diperkaya dengan zarah silika halus, *simeticone* memberikan METEOSPASMYL® CAPSULE sifatnya. *Alverine citrate* menghalang tindakan agen kontraksi otot licin. *Simeticone* bertindak sebagai filem pelindung dan sebagai antifatulen dan agen anti-kembung. Ia juga mengurangkan pengembangan gas melalui kesan anti-pembasahan dan anti-pembusanya, yang diperkukuhkan dengan kehadiran silika.

Sebelum menggunakan METEOSPASMYL® CAPSULE

- Bila tidak boleh menggunakan METEOSPASMYL® CAPSULE tidak boleh digunakan dalam situasi-situasi di bawah:
 - Ileus lumpuh (obstruksi usus akibat kekurangan aktiviti usus).
 - Sejarah reaksi alahan kepada atau intolerans kepada *alverine*, *simeticone* atau kepada mana-mana eksipien.
 - Gabungan dengan sterkulia (laksatif pukal) tidak dibenarkan sekiranya pesakit mempunyai kesukaran untuk menelan.
 - Mempunyai kontraindikasi sekiranya hamil atau sedang menyusu.
- Sebelum mula menggunakan Sentiasa dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan produk ini sekiranya anda mempunyai sebarang keraguan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain Interaksi ubat yang dilaporkan ketika penggunaan dengan ubat lain tidak diketahui. Untuk mengelakkan sebarang kemungkinan interaksi dengan beberapa ubat-ubatan, anda seharusnya memaklumkan doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda sedang mengambil ubat-ubatan lain.

Cara menggunakan METEOSPASMYL® CAPSULE

- Berapa banyak harus digunakan Untuk kegunaan orang dewasa sahaja: 1 kapsul 2 hingga 3 kali sehari pada permulaan pemakanan.
- Bila perlu digunakan Pada permulaan pemakanan.
- Berapa lama perlu digunakan Ambil ubat ini seperti diarahkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengguna secara berlebihan (terlebih dos) Kes-kes vertigo telah dilaporkan apabila dos yang lebih daripada yang disarankan telah diambil.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan METEOSPASMYL® CAPSULE

- Perkara yang perlu dilakukan Maklumkan doktor anda sekiranya simptom berterusan atau bertambah teruk atau sekiranya sembelit berterusan.
- Perkara yang tidak boleh dilakukan Ubat ini dipreskripsikan kepada anda sahaja. Jangan memberikannya kepada orang lain. Ia mungkin membahayakan kesihatan mereka, walaupun simptom penyakit mereka sama dengan anda.
- Perkara yang perlu diberi perhatian METEOSPASMYL® CAPSULE boleh meningkatkan tahap enzim hati dalam darah. Doktor anda boleh memutuskan untuk menetapkan ujian darah semasa rawatan untuk memeriksa keadaan hati anda. Tahap enzim hati yang tinggi boleh menyebabkan doktor anda menghentikan rawatan anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat lain, ubat ini boleh menyebabkan kesan-kesan

METEOSPASMYL[®] CAPSULE

Alverine citrate (60 mg), Simeticone (300 mg)

sampingan, Walau bagaimanapun, bukan semua orang mengalami kesan sampingan tersebut. Sekiranya anda mengalami kesan sampingan di bawah, hubungi doktor anda dengan segera.

- Tanda-tanda reaksi alahan teruk terutamanya bengkak muka, bibir, mulut, lidah dan/ atau tekak, yang boleh menyebabkan kesukaran untuk bernafas atau menelan, ruam, rasa gatal-gatal, pening kepala yang teruk dengan peningkatan kadar denyut jantung dan perpeluhan yang berlebihan (reaksi alahan yang teruk dianggap amat jarang berlaku).

- Tanda-tanda yang mencadangkan disfungsi hati. Simptom-simptomnya termasuk kekuningan kulit atau pada bahagian putih mata, air kencing yang berwarna gelap, hilang selera makan, rasa loya atau muntah-muntah (kesan terhadap hati dianggap amat jarang berlaku).

Sekiranya mana-mana kesan sampingan ini bertambah serius, atau anda mempunyai kesan sampingan yang tidak dinyatakan dalam risalah ini, sila maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*]

Cara penyimpanan dan pelupusan METEOSPASYL[®] CAPSULE

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang kering dan dingin, tidak melebihi suhu 30°C.

Jangan guna ubat ini selepas tarikh luputnya seperti yang dinyatakan pada kotak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak seharusnya dilupuskan melalui sisa air atau sisa isi rumah. Tanya doktor atau ahli farmasi anda cara-cara pelupusan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Kapsul bujur yang lembut, saiz 6, berwarna putih terang hingga kekuningan yang mengandungi ampaian keputihan yang pekat.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Alverine citrate, simeticone
- Bahan tidak aktif
Gelatin, gliserol, titanium dioksida (E171)

- Nombor MAL:

MAL19990251ACZ

Pengilang

Laboratoires Galeniques Vernin
20, rue Louis-Charles Vernin
77190 Dammarie LES LYS
France

Pemegang Pendaftaran Produk

Zuellig Pharma Sdn. Bhd.
No. 15, Persiaran Pasak Bumi,
Seksyen U8, Perindustrian Bukit Jelutong,
40150 Shah Alam, Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

Julai 2026

Nombor Siri

NPRA(R2/1)230414/1045